

Perlembagaan: Isu Perlaksanaan Undang-undang Islam

Haji Hasan Bahrom

Abstract

This article attempts to discuss the importance of Article 3 and 4 of Federal Constitution of Malaysia in conjunction with the implementation of Islamic laws in Malaysia. Are these articles really an obstacle to Islam or they are the way round?. The author also tries hardly to interpret the meaning of "Islam is the religion of Malaysia" by using golden interpretation in order to see Islamic law compatible and applicable to Malaysia.

Pendahuluan

Keinginan kerajaan untuk melaksanakan undang-undang Islam bukan sahaja dilihat daripada keinginan pemimpin tetapi juga dilihat dari aspek dasar dan undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan. Ada di kalangan umat Islam melihat Perlembagaan adalah penghalang kepada perlaksanaan undang-undang Islam. Malah banyak kajian dan analisis memperlihatkan Perlembagaan adalah faktor pembantut yang paling dominan kepada perlaksanaan undang-undang Islam di negara ini. Walau bagaimanapun isu ini masih boleh diperbahaskan, malah boleh dipertikaikan sudut pandangannya. Mungkin mereka beranggapan demikian dengan melihat Perlembagaan dari satu sudut sedangkan mereka tidak melihat dari sudut yang lain. Perlembagaan adalah suatu yang boleh berubah dan boleh ditafsirkan mengikut penafsir itu sendiri, asalkan ianya tidak bercanggah dengan prosedur penafsiran perlembagaan. Perlembagaan bukanlah statik dan tidak pula boleh ditafsirkan mengikut tafsiran orang awam, kerana hubungkait antara artikel dengan artikel yang lain dalam Perlembagaan

itu berhubungan antara satu sama lain; kerana itu ia harus ditafsirkan bersama-sama. Kertas ini akan cuba melihat secara terbatas beberapa penafsiran yang boleh dilakukan dalam mengenal pasti ruang kepada perlaksanaan undang-undang Islam.

Beberapa Aspek Penting

Perlembagaan Malaysia yang telah diluluskan semasa negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 mempunyai beberapa aspek penting yang boleh dijadikan asas kepada proses perlaksanaan undang-undang Islam. Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Peruntukan ini boleh memberi implikasi yang besar kepada agama Islam. Walaupun pada peringkat awal peruntukan yang dimasukkan dalam Perlembagaan itu bukanlah atas tujuan untuk melaksanakan undang-undang Islam atau hendak menjadikan negara ini sebagai negara Islam tetapi hanyalah sekadar untuk digunakan dalam upacara-upacara resmi sahaja seperti pembacaan doa pada hari-hari kebesaran negara dan sebagainya. Bertitik tolak dari peruntukan itu ia boleh dijadikan asas yang amat baik dalam proses merealisasikan undang-undang Islam di negara ini kiranya ia dilihat secara positif dan ditafsirkan mengikut tafsiran agama yang sebenarnya.

Prof. Ahmad Ibrahim tidak menyetujui istilah agama dalam peruntukan itu dilihat dari perspektif Barat kerana apabila perkataan itu dilihat dari perspektif itu, ia akan mentafsirkannya sebagai satu amalan ritual yang tidak mencakupi dalam bidang-bidang kehidupan manusia seperti sosial, politik dan undang-undang dan terikat dengan tafsiran yang telah mereka berikan ketika menyetujui perkataan itu dimasukkan dalam Perlembagaan. Beliau berpendapat seharusnya perkataan agama itu dilihat dari perspektif Islam, kerana apabila dilihat dari pandangan Islam, sudah pasti ia akan mencakupi semua aspek sebagaimana yang kehendaki oleh *al-Din*. Penulis amat bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan itu, kerana kita telah merdeka dan kita juga harus merdeka dalam mentafsirkan perkataan tersebut dan adalah tidak harus tunduk dengan tafsiran tradisi yang telah diwarisi daripada Barat yang bercanggah dengan nilai pemikiran yang kita fahami. Jelas Prof. Ahmad Ibrahim,

“Apa yang menyediakan ialah Mahkamah Agong nampaknya bersedia menerima hujah bahawa perkataan Islam yang terdapat dalam perkara 3 Perlembagaan Persekutuan hendaklah difahamkan sebagai meliputi hanya perkara-perkara yang berhubung dengan upacara dan adat istiadat agama sahaja. Telah dikatakan bahawa inilah yang dimaksudkan oleh pihak mereka yang merangka Perlembagaan itu

dan ia adalah akibat pemerintahan tidak langsung British dalam masa penjajahan dahulu dan wujudnya institusi sekular. Apakah kita masih terikat dengan kedudukan penjajah itu sedangkan kita sudah mencapai kemerdekaan?”¹

Demikian juga reaksi yang ditunjukkan oleh Hakim Hashim Yeop Sani dalam menyatakan rasa tidak senangnya dengan pendapat yang dikemukakan oleh Syaridan dan Groves yang menyempitkan penggunaan agama Islam dalam Perlembagaan itu hanya boleh digunakan dalam aspek upacara resmi sahaja,² katanya,

*“Saya menentang keras pendapat ini kerana tidak berdasarkan kepada apa-apa peruntukan dalam Perlembagaan ini, dan ini adalah satu tafsiran yang berjiwa crusader, oleh sebab perkara 3 Perlembagaan itu sangat jelas dan tidak boleh diputarbelikan lagi bahawa agama negara ini adalah Islam, maka mana-mana tafsiran yang mewujudkan satu percanggahan di antara dokumen ciptaan manusia (perlembagaan) dengan perintah Allah (al-Quran dan al-Sunnah) maka tafsiran itu tidak boleh dipakai”.*³

Kedudukan agama Islam yang diperuntukkan sebagai agama Persekutuan, memberi satu gambaran yang jelas, bagaimana peruntukan itu boleh digunakan dalam usaha untuk memperkembangkan agama Islam dari semua aspek, yang bukan sahaja dari aspek fizikal, tetapi juga mencakupi aspek ruh dan kehendak agama khususnya dari aspek perundangan. Sehubungan dengan itu Prof. Ahmad Ibrahim menyebut,

*“Oleh kerana itu tidak ada halangan dihujahkan kemudian bahawa oleh kerana Islam adalah agama Persekutuan, ini membolehkan ajaran Islam dimasukkan dan diterapkan dalam politik negara apabila masanya sesuai”.*⁴

Ini bermakna kita boleh membuat satu penafsiran baru berhubung dengan peruntukan itu dan ini memerlukan masa yang sesuai untuk melakukannya. Kita akur dengan apa yang telah ditafsirkan oleh para penggubal undang-undang Perlembagaan dulu, tetapi kita tidak terikat dengan apa yang telah diputuskan oleh para penggubal undang-undang Perlembagaan tersebut. Sewajarnyalah pada satu-satu ketika kita perlu kembali kepada tradisi sejarah, tetapi tidak semestinya semua sejarah itu boleh dijadikan panduan untuk kita menentukan masa depan yang lebih baik. Dalam menafsirkan perkataan agama dalam peruntukan itu, Prof. Ahmad Ibrahim pernah menyatakan, jika masyarakat bukan Islam boleh memahami perkataan agama itu merangkumi bukan sahaja aspek kepercayaan dan amalan keagamaan tetapi termasuk juga undang-undang yang terpakai kepada penganut-penganut agama tersebut, maka sepatutnya pengertian yang sama juga hendaklah diberikan kepada agama Islam. Justeru Islam bukan sahaja

satu kepercayaan keagamaan dan upacara agama yang ritual tetapi satu cara hidup yang merangkumi semua aspek termasuk undang-undang.⁵ Tetapi sayangnya umat Islam sendiri menafsirkan perkataan agama tersebut dalam ruang lingkup yang terbatas. Walaupun kita harus mengakui buat masa ini kedudukan dan pelaksanaan undang-undang Islam masih di peringkat yang boleh dipersoalkan kesempurnaannya.⁶ Walaupun begitu, ia tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak menyatakan sebab peruntukan itu memberi kesan yang besar kepada perkembangan Islam.

Mungkin ada kelemahan yang terdapat dalam Perlembagaan itu, seperti kekaburuan penggunaan bahasa yang dimasukkan dalam perkara 3 dan boleh ditafsirkan dengan pelbagai makna dan menuntut kepada jalan untuk diperbahaskan.⁷ Tetapi peruntukan itu tidaklah bertentangan dengan aspirasi sistem undang-undang perlembagaan Islam. Kerana al-Quran sendiri diturunkan dalam bentuk umum yang mengundang kepada perbahasan dan penafsiran. Peruntukan ini secara jelas memberi jaminan kepada orang-orang bukan Islam untuk mengamalkan kepercayaan mereka bukan sahaja dari aspek kepercayaan dan amalan keagamaan, tetapi juga termasuk undang-undang yang terpakai kepada penganut-penganut agama tersebut secara aman tanpa ada gangguan.⁸ Sesuai sekali dengan firman Allah SWT dalam surah al-Kafirun dan al-Baqarah dalam soal kebebasan beragama. Peruntukan ini juga adalah sejajar dengan apa yang terdapat dalam peruntukan “*Sahifah al-Madinah - Piagam Madinah*,”⁹ yang telah dirangka oleh Rasulullah saw, juga perlembagaan negara-negara Islam lain seperti Pakistan, Iran, Afghanistan dan Sudan.

Walaupun untuk menyatakan perlembagaan Malaysia sebagai satu perlembagaan Islam secara mutlak adalah suatu yang masih jauh daripada yang sepatutnya, tetapi beberapa peruntukan yang ada di dalamnya agak bersesuaian dengan kehendak dan ruh Islam. Walaupun tujuan asal peruntukan ini tidak bermaksud membawa negara ini kepada sebuah negara Islam,¹⁰ tetapi peruntukan ini memberikan satu gambaran tentang keprihatinan umat dan pemimpin ketika itu untuk mengekalkan status agama Islam sebagai agama negara adalah sejajar dengan kehendak perjuangan dan tahap agama Islam yang telah lama diamalkan oleh orang Melayu.

Penghayatan agama Islam di kalangan masyarakat Melayu tidak pernah dipertikaikan oleh British. Malah British ketika memerintah Tanah Melayu tidak berani mencampuri dan menganggu urusan keagamaan orang Melayu kerana pada penafsiran mereka, ia adalah adat istiadat masyarakat Melayu. Tindakan ini dilakukan kerana mereka tidak sanggup menyinggung perasaan Raja-raja dan orang-orang Melayu. British bertindak begitu mungkin bertujuan untuk menjaga reputasi (hubungan) “baik” mereka di kalangan orang-orang Melayu. Mungkin juga mereka faham bahawa agama Islam telah menjadi agama resmi bagi negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Tidak

Berserikutu.¹¹ Ini bermakna peruntukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan itu tidaklah menjadi suatu yang janggal untuk dimasukkan dalam Perlembagaan, kerana agama Islam adalah agama tradisi orang-orang Melayu, malah jumlah penduduk masyarakat Melayu waktu itu jauh lebih ramai daripada masyarakat lain. Keupayaan UMNO memperjuang dan mempertahankan peruntukan itu supaya menjadi salah satu perkara penting dalam Perlembagaan, walaupun pada peringkat awal tidak dipersetujui oleh Raja-raja Melayu, seharusnya diperakui sebagai salah satu komitmen pemimpin atau kerajaan pada waktu itu untuk mempertahankan kesucian dan keunggulan agama Islam. Ini diperakui sendiri oleh Suruhanjaya Reid, mereka menyatakan;

“Persetujuan sebulat suara telah diperolehi bahawa peruntukan yang sedemikian dimasukkan dalam perlembagaan, maka ia hendaklah dinyatakan dengan jelas bahawa peruntukan tersebut tidak sama sekali mengugat yang diserahkan oleh pihak Perikatan mengandungi kenyataan agama Islam hendaklah menjadi agama resmi Persekutuan Tanah Melayu. Bagaimanapun amalan prinsip ini hendaklah tidak mendatangkan kesukaran terhadap orang bukan Islam ...”¹²

Dalam menyokong pendapat itu, Hakim Abdul Hamid, salah seorang ahli jawatankuasa Suruhanjaya berpendapat bahawa peristilahan seperti itu perlu dimasukkan kerana ia dicadangkan oleh Perikatan yang berdasarkan sebulat suara masyarakat Melayu dan patut diterima.¹³ Dalam ertikata lain cadangan tersebut menunjukkan isi hati masyarakat pribumi di negara ini supaya agama yang mereka yakini sejak lama tidak tergugat. Dalam mempertahankan pendapatnya, Hakim Abdul Hamid memberi keyakinan kepada Suruhanjaya Reid yang peruntukan itu tidak akan menggugat kepercayaan dan agama mereka yang tidak beragama Islam. Kerana peruntukan seperti itu telahpun terdapat di negara-negara lain. Sehubungan dengan itu adalah tidak sukar untuk dilakukan, dan apa yang perlu ialah memindahkan peruntukan itu dari Perlembagaan Negeri ke Perlembagaan Persekutuan.

Kesan Peruntukan Perkara 3 dan Perkara 11

Peruntukan perkara 3 dan perkara 11, adalah di antara perkara terpenting dalam Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan agama Islam. Peruntukan itu telah meletakkan satu keistimewaan kepada agama Islam berbanding dengan agama-agama lain, walaupun agama-agama lain juga diberi kebebasan untuk bertahan dan diamalkan.¹⁴ Peruntukan itu memberi beberapa kekuatan kepada agama Islam, sebab dengan peruntukan ini telah dengan sendirinya menafikan negara ini sebuah negara sekular,¹⁵ walaupun pada suatu ketika yang lain Tuanku Abdul Rahman pernah

mengungkapkan negara ini sebagai negara sekular. Namun begitu ia boleh dianggap sebagai pandangan peribadi beliau walaupun pada ketika itu beliau bercakap atas kapasiti sebagai Perdana Menteri. Kenyataan Perdana Menteri tidak akan menjadi perlembagaan, kerana ia tidak termaktub dalam perlembagaan. Negara ini tidak boleh dianggap sebagai negara sekular, kerana prinsip-prinsip agama itu telah diperundangkan dalam undang-undang tertinggi negara dan peruntukan untuk agama dipertingkatkan dari masa kesemasa.¹⁶ Secara mudah kita boleh melihat negara dan agama tidak dipisahkan; cuma yang menjadi pertikaian dan seolah-olah ianya berpisah dari sudut penafsiran semata-mata.

Dalam beberapa perkara peruntukan ini memberi ruang yang sebaik mungkin kepada perkembangan agama Islam. Melalui akta dan enakmen perbekalan tahunan misalnya, kerajaan diberi kuasa memperuntuk dan membelanjakan wang untuk tujuan pentadbiran agama Islam dan Undang-undangnya. Walaupun peruntukan itu pernah dipersoalkan oleh seorang auditor-general British tentang perbelanjaan tersebut sama ada peruntukan itu terdapat dalam Perlembagaan ataupun tidak. Walaupun begitu bantahan yang dikemukakan auditor-general itu telah ditolak Peguam Negara, kerana apa yang dibelanjakan itu tidak menyalahi Perlembagaan dan terdapat dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan, dan sejak itu perkara peruntukan kewangan itu telah diterima tanpa dipersoalkan.¹⁷

Peruntukan ini juga telah memberi ruang yang banyak kepada kerajaan untuk berusaha meningkat dan meninggikan syiar Islam. Tidak ada halangan bagi kerajaan menyebarkan agama Islam, malah kerajaan tidak boleh menghalang proses perkembangan Islam dalam negara ini, melainkan perkara tersebut dirasakan boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman awam dan juga penyelewengan akidah. Kerajaan juga berkuasa untuk menyekat perkembangan agama atau ajaran yang bertentangan dan ajaran yang terkeluar daripada agama Islam. Kuasa ini telah diberikan oleh perlembagaan kepada badan berkuasa agama negeri. Badan berkuasa agama negeri boleh bertindak dalam hal ehwal agama Islam yang difikirkan tidak sesuai dengan agama Islam. Mengikut perlembagaan, soal agama tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan negeri.¹⁸ Kata Tan Sri Hashim,

*“Dengan itu perkembangan negara memberi jaminan kepada pengikut agama Islam bahawa kerajaan negeri akan mengawas dan menyekat perkembangan apa-apa akidah dan kepercayaan agama antara orang-orang Islam. Seterusnya undang-undang Persekutuan atau negeri boleh mengadakan bantuan kewangan khas untuk menubuhkan atau menyelenggarakan institusi Islam atau ajaran tentang Islam bagi orang-orang Islam”.*¹⁹

Selain daripada diberi keistimewaan untuk menyebarkan ajaran Islam, peruntukan ini telah memberi ruang kepada kerajaan untuk mewajibkan matapelajaran agama Islam diajarkan di sekolah-sekolah kebangsaan atau sekolah aliran Cina dan India mengikut bilangan murid yang telah ditentukan oleh Kementerian Pendidikan. Seksyen 36 dan 37 Akta Pelajaran 1961 telah mewajibkan mana-mana sekolah yang menerima bantuan kerajaan supaya memperuntukan pengajaran agama Islam kepada penuntut-penuntut yang beragama Islam dengan syarat jumlah pelajar di sekolah itu tidak kurang daripada lima belas orang. Segala perbelanjaan bagi pengajaran itu akan ditanggung oleh kumpulan wang yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.²⁰ Ini memberi gambaran bahawa setiap warganegara yang beragama Islam, mesti dan wajib mendapat pendidikan agama Islam, dan kewajipan ini telah diperundangkan melalui Akta Pendidikan yang tidak bertentangan dengan undang-undang perlembagaan. Dalam ertikata lain, adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana institusi bantuan kerajaan yang menjalankan aktiviti pendidikan dengan tidak memasukkan pelajaran agama Islam berdasarkan Akta Pelajaran Seksyen 36 dan 37 itu.²¹

Peruntukan perkara 3 juga boleh digunakan untuk mencadangkan sesuatu amalan baik untuk dilakukan oleh rakyat negeri ini, atau peruntukan itu juga boleh menyekat perbuatan yang dikira menghina agama Islam. Perkara ini pernah digunakan oleh seorang ahli Dewan Undangan pada tahun 1958 di mana ahli tersebut mencadangkan supaya kerajaan mengharamkan hidangan minuman keras di majlis-majlis yang dianjurkan oleh kerajaan, sebab perkara itu boleh membawa imej buruk kepada agama Islam kerana negara ini dianggap sebagai sebuah negara Islam.²² Cadangan beliau diterima oleh Dewan, walaupun pada peringkat awalnya cadangan tersebut tidak dipersetujui oleh Perdana Menteri pada ketika itu kerana mengaitkan negara ini dengan negara Islam.²³ Tetapi apa yang beliau lakukan itu telah berjaya memberhentikan satu budaya yang tidak sesuai atau secocok dengan budaya dan kehendak Islam. Dalam ertikata lain, kerajaan atau ahli Dewan Undangan atau badan kehakiman boleh menggunakan perkara 3 dalam Perlembagaan itu untuk kepentingan Islam dan merealisasikan sistem perundangan Islam di negara ini. Soalnya sejauhmana badan perundangan dan badan kehakiman telah mengguna dan mentafsirkan peruntukan perkara 3 tersebut dalam sistem peradilan dan perundangan yang sesuai dengan kehendak sistem perundangan Islam?

Peruntukan perkara 3 harus dilihat bersama dengan perkara 160 iaitu dalam soal pendefinisian “*Melayu*”. Menurut perkara 160 (2b) orang Melayu adalah sebagai seorang beragama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu dan menurut adat istiadat Melayu. Berpandukan peruntukan tersebut bermakna orang Melayu dan agama Islam dua entiti yang tidak terpisah atau yang tidak boleh dipisahkan. Dalam ertikata lain,

pemisahan antara Melayu dan Islam secara automatik menggugurkan taraf seseorang itu sebagai orang Melayu dengan segala keistimewaan yang diberikan oleh perlembagaan. Tun Saleh Abas berpendapat perkataan Melayu dan Islam adalah unsur yang bercantum dan tidak boleh dipisahkan untuk tujuan undang-undang dan Perlembagaan.²⁴ Ini bermakna Perlembagaan Persekutuan telah mengiktiraf bahawa bangsa Melayu adalah satu-satunya bangsa yang dihubungkaitkan dengan agama Islam. Sementara agama Islam pula menjadi teras kepada beberapa peruntukan dalam perlembagaan negara.

Hubungkait ini telah memberi kelebihan dan pengiktirafan kepada orang-orang Melayu yang telah lama tinggal di negara ini sebagai orang yang menguasai dan mempunyai negara ini. Kata Dr. Abdul Halim Muhammady;

“Dalam usaha untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu beberapa asas sejarah diambil kira secara serius oleh British. Kuasa tertinggi negara diserahkan kepada Yang DiPertuan Agong, Islam sebagai agama rasmi negara, kuasa tertinggi negeri di tangan Sultan atau Yang DiPertua Negeri-negeri, Bahasa Melayu dijadikan sebagai Bahasa Kebangsaan, hak keistimewaan orang Melayu diiktiraf, penentuan kuota kepada orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan dan pemberian biasiswa, agama Islam diberi kedudukan istimewa dari segi penghayatan dan penyebaran di peringkat kerajaan pusat dan negeri, begitu juga keistimewaan pemilikan tanah rizab Melayu... ”.²⁵

Sehubungan dengan itu kepimpinan atau ketua negara khususnya Yang DiPertuan Agong mestilah terdiri dari orang Melayu dan beragama Islam. Perlembagaan telah menetapkan bahawa Yang DiPertuan Agong hendaklah dilantik daripada kalangan Raja-raja Melayu. Disebut juga dalam setiap perlembagaan negeri menghendaki rajanya seorang berbangsa Melayu beragama Islam dan dari keturunan raja.²⁶ Mengikut peruntukan perkara 3 (3) Yang DiPertuan Agong adalah ketua agama Islam di negeri-negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan atau di negeri yang tidak mempunyai raja. Selain daripada Yang DiPertuan Agong, Raja dan Sultan-sultan ialah ketua agama Islam bagi negeri masing-masing dan adalah tidak layak dan tidak diiktiraf mereka yang di luar daripada peruntukan itu untuk menjadi ketua negara atau negeri. Dalam erti kata lain kuasa agama di bawah kekuasaan kerajaan negeri, dan ketika dalam menjalankan tugas sebagai ketua agama Islam mereka mempunyai budibicara dan tidak terikat dengan nasihat Majlis Mesyuarat Negeri (EXCO kerajaan negeri).

Keistimewaan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan diperkuuhkan dalam meletakkan kepimpinan negara mestilah mereka yang beragama Islam. Justeru itu apabila Yang DiPertuan Agong hendak mengemukakan sumpah memegang jawatan baginda diminta mengangkat sumpah dengan menggunakan lafaz sebagaimana sumpah yang dikehendaki dalam agama Islam iaitu “*Wallahi, Wabillahi, Watallahi*”.²⁷ Sumpah ini dihubungkaitkan pula dengan janji baginda untuk memelihara tentang kesucian dan kemuliaan agama Islam; seperti berikut,

*“Dan lagi kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri”.*²⁸

Setelah menjadi ketua negara Yang DiPertuan Agong dipertanggungjawabkan untuk melindungi hak keistimewaan orang-orang Melayu seperti yang termaktub dalam perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Oleh kerana Melayu dan Islam dua entiti yang tidak boleh dipisahkan sebagaimana yang telah disebutkan, maka hak-hak istimewa orang-orang Melayu bukan sahaja mencakupi bidang kehartaan dan kehormatan diri bahkan yang lebih utama ialah menjaga dan melindungi agama Islam.²⁹ Di bawah peruntukan ini sebenarnya Yang DiPertuan Agong atau Raja-raja Melayu berkuasa atas budibicara baginda melakukan apa juga tindakan yang boleh menjaga kesucian dan kemurnian agama Islam dan pegangan orang Melayu. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa institusi Yang DiPertuan Agong mempunyai peranan yang amat penting terhadap agama Islam kerana baginda adalah kepala utama negara bagi Persekutuan yang mengambil keutamaan mengatasi segala orang dalam Persekutuan.³⁰

Walaupun terdapat beberapa fasal yang boleh menyekat kepada perkembangan sistem perundangan Islam sebagai undang-undang dasar negara, seperti perkara 4 fasal 1 menyebut:

“Perlembagaan ini adalah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Kemerdekaan dan yang berlawanan dengan Perlembagaan ini hendaklah terbatal setakat yang berlawanan itu.”

Namun peruntukan ini menurut Prof. Ahmad Ibrahim tidak meliputi undang-undang Islam. Penulis amat bersetuju dengan pendapat itu, kerana peruntukan ini tidak menjadikan mana-mana undang-undang yang sedia wujud iaitu undang-undang yang diluluskan sebelum merdeka (termasuk Kanun Melayu Melaka) terbatal walaupun ia bertentangan dengan Perlembagaan. Kalaupun undang-undang yang diluluskan selepas Merdeka bertentangan dengan Perlembagaan, ianya boleh diubahsuai mengikut keperluan dan kehendak Perlembagaan asalkan ia tidak bertentangan dengan kehendak

syariat. Kenyataan ini dapat dilihat dalam perkara 162 fasal 6. Pendapat ini boleh juga dilihat daripada kes *Ong Ah Chuan Iwn Public Prosecutor. Privy Council* telah memutuskan bahawa Perlembagaan itu sendiri hendaklah ditafsirkan supaya sesuai dengan *common law* dan boleh dibataskan olehnya. Namun dalam konteks Malaysia ia boleh dihujah bahawa Perlembagaan Persekutuan tidak boleh menyentuh kesahan Hukum Syarak - undang-undang tidak bertulis dan bukan pula diluluskan selepas hari Merdeka.³² Sebab undang-undang bertulis telah lama wujud dan dilaksanakan di Tanah Melayu sebelum kedatangan British lagi. Malah badan perundangan dan kehakiman telah pun melepaskan diri daripada merujuk dengan *Privy Council*.

Mungkin juga boleh dihujahkan bahawa perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan itu menyentuh undang-undang bertulis sahaja, iaitu undang-undang yang diluluskan oleh Badan Perundangan bukan undang-undang yang sudah diperkenankan dalam al-Quran dan al-Sunnah, sebab undang-undang itu tidak diluluskan oleh Badan Perundangan, tetapi undang-undang itu diturunkan oleh Allah swt. Walaupun Perlembagaan adalah undang-undang bertulis yang tertinggi dan utama, namun ia hanya menyentuh undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka sahaja tidak lebih daripada itu. Demikian juga Parlimen boleh membuat undang-undang untuk kerajaan negeri yang diperuntukan ke atasnya,³³ dalam perkara-perkara yang tertentu sahaja³⁴. Iaitu perkara-perkara perundangan yang dalam bidang kuasa Persekutuan untuk dilaksanakan di negeri-negeri, tetapi dalam hal ehwal agama Islam undang-undang hanya boleh dibuat setelah kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat dibawa berunding. Ini bermakna Parlimen berkuasa membuat dan meluluskan undang-undang yang secukup dan sesuai dengan kehendak perundangan Islam. Cuma apabila hendak dilaksanakan ia perlu merujuk kepada Majlis Raja-raja dan kerajaan negeri kerana kuasa agama terletak di bawah kawalan kerajaan negeri. Sebenarnya perkara ini boleh dilakukan sekiranya mengikut saluran dan prosedur yang telah diperuntukkan.

Mungkin juga timbul persoalan mengenai pertentangan Perlembagaan Persekutuan dengan undang-undang Islam, misalnya Yang DiPertuan Agong diberi kuasa untuk mengampun.³⁵ Oleh kerana kita telah bersetuju iaitu undang-undang Perlembagaan boleh ditafsir dan diubahsuai mengikut keperluan dan kehendak semasa. Justeru kita boleh berhujah dan menentukan had dan batas kuasa pengampunan bagi Yang DiPertuan Agong, umpamanya Yang DiPertuan Agong boleh mengampun kes-kes menyentuh soal *ta'zir* sahaja dan tidak termasuk dalam soal-soal *hudud* dan *qisas*. Dalam ertikata lain kebebasan untuk menafsir itu suatu yang amat diperlukan. Ini bermakna perubahan pemikiran (*paradigm shift*) di kalangan ulama, pakar perundangan, hakim dan masyarakat adalah perlu. Demikian juga ada di kalangan ahli undang-undang melihat aspek penafian undang-undang Islam dalam soal menafsirkan undang-undang

yang dikemukakan dalam perkara 160. Di mana perkara tersebut tidak termasuk di dalamnya undang-undang Islam.³⁶ Walau bagaimanapun pandangan ini adalah dilihat dari sudut negatif, tetapi kalau dilihat dari sudut positif tafsiran undang-undang itu yang boleh diperluaskan sehingga mencakupi undang-undang Islam. Sekali lagi sebenarnya kita bertikai dalam soal penafsiran bukan matan perlembagaan itu. Kata Ahmad Ibrahim,

*“Ini adalah sikap negatif, jika sikap positif diambil, seharusnya dihujahkan bahawa tafsiran “undang-undang” menggunakan perkataan “termasuk” dan ini menunjukkan ia bukan menyeluruh dan oleh kerana itu ia boleh diperluaskan untuk merangkumi undang-undang Islam ... ”*³⁷

Dalam ertikata lain penafian soal undang-undang Islam dalam Perlembagaan Persekutuan adalah tidak timbul, cuma apa yang boleh dipertikaikan ialah sama ada Perlembagaan itu boleh mengatasi peruntukan undang-undang yang ada di dalam al-Quran dan al-Sunnah atau tidak.³⁸ Ini bermakna ia menuntut keupayaan dan kesediaan Badan Perundangan khususnya, untuk menafsirkan dan memugarkan semula Perlembagaan Persekutuan supaya ia menjadi lebih dinamik.

Hal yang sama juga diperkatakan dalam peruntukan yang memberarkan Yang DiPertuan Agong atau Parlimen diberi kuasa meluluskan apa juga undang-undang untuk keperluan selepas darurat diisyiharkan.³⁹ Undang-undang yang diluluskan itu dibenarkan walaupun tidak konsisten dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan. Walau bagaimanapun mengenai hukum syarak dan adat istiadat Melayu ia tidak tertakluk kepada peruntukan ini kerana terdapat kekecualian yang dapat dilihat dalam perkara 150 (6A). Ini memberi erti dalam kedudukan mana sekalipun undang-undang Islam akan tetap terpelihara dengan segala kekudusan dan keabadiannya melalui peruntukan undang-undang negara.

Pindaan Perlembagaan

Dengan kuasa yang diperuntukan kepada Parlimen,⁴⁰ kerajaan boleh membuat pindaan kepada undang-undang Perlembagaan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun pindaan itu mestilah mendapat sokongan dua pertiga daripada jumlah bilangan ahli Parlimen.⁴¹ Pindaan perkara 121 dan perkara 5 umpamanya telah memberi nafas baru kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah. Perkara 121 fasal (1) menyatakan bahawa kuasa kehakiman bagi Persekutuan adalah terletak kepada dua (2) Mahkamah Tinggi sahaja yang mempunyai bidang kuasa yang selaras dan setaraf. Peruntukan ini boleh mempertikaikan keputusan mana-mana mahkamah termasuk keputusan Mahkamah

Syariah. Apabila perkara 121 dipinda pada tahun 1988 dengan memasukkan fasil (1A) yang memperuntukan “*Mahkamah-mahkamah yang disebutkan dalam fasil (1) tidak boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah*” telah memberi kesan positif kepada perkembangan undang-undang Islam di negara ini.

Kesan daripada pindaan ini telah melibatkan kuasa Mahkamah Syariah, iaitu apa juga yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah dalam bidang kuasa yang diberikan kepadanya, Mahkamah Tinggi tidak boleh campurtangan atau tidak boleh mempertikaikan keputusan yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah seperti dalam tahun-tahun sebelum 1988, dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah,⁴² seperti dalam soal pusaka, penjagaan anak (*hadanah*) dan perkara-perkara sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual 9, Senarai 2.⁴³ Walau bagaimanapun kalau dilihat secara mendalam kuasa Mahkamah Syariah masih terhad atau terbatas yang hanya boleh dikuatkuasakan atas mereka yang beragama Islam sahaja. Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa terhadap kuasa-kuasa yang bertikai yang salah seorangnya bukan Islam. Misalnya dalam soal *hadanah*, jika ibunya bukan Islam dan bapanya Islam, perkara ini boleh dibawa ke Mahkamah Sivil.

Dalam Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraihan) 1976, Mahkamah Sivil diberi kuasa untuk membenarkan penceraian, jika pihak perkahwinan tersebut dijalankan bukan secara Islam [salah seorang telah memeluk Islam] dan pihak yang satu lagi yang tidak memeluk agama Islam boleh membawa petisyen itu ke mahkamah.⁴⁴ Demikian juga kalau kita melihat Akta Mahkamah-mahkamah Islam (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, pindaan 1984 bidang kuasa mahkamah hanya meliputi kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman penjara tidak lebih tiga tahun, denda tidak lebih dari RM5,000, rotan yang tidak melebihi 6 sebatan atau kombinasi mana-mana hukuman tersebut. Bidang kuasa ini adalah kecil jika dibandingkan dengan kuasa yang ada di tangan majistret kelas pertama yang boleh menghukum sehingga 10 tahun penjara, denda sehingga RM 10,000 dan rotan 12 kali atau mana-mana kombinasi hukuman tersebut. Walau bagaimanapun, usaha-usaha pindaan itu memperlihatkan kesungguhan kerajaan untuk mempertingkatkan pelaksanaan undang-undang Islam dan kewibawaan Mahkamah Syariah walaupun belum sampai ke tahap yang dimaksudkan.

Tahun 1987 menampakkan perubahan baru dalam usaha mengemaskinikan pentadbiran hal-ehwal agama Islam di Malaysia khususnya dalam hal yang berhubungan dengan menyekat dan mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan agama bukan Islam. Negeri Pahang,⁴⁵ Melaka⁴⁶ dan Selangor⁴⁷ mendahului negeri-negeri lain dalam perubahan tersebut. Pengemaskinian ini dilakukan berdasarkan kepada

peruntukan perkara 11 (4) Perlembagaan Persekutuan. Walaupun dalam enakmen itu tidak menyebut pengemaskinian itu kesan daripada perkara 3, tetapi kita dapat faham kewujudan enakmen tersebut berkisar dalam peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan.

Sementara pindaan perkara 5 Perlembagaan Persekutuan, telah memberi pengiktirafan yang lebih tinggi kepada Mahkamah Syariah. Satu proviso baru telah dimasukkan ke dalam fasal (4) perkara 5 bagi Mahkamah Syariah iaitu;

“Dan dengan syarat selanjutnya dalam hal penangkapan bagi sesuatu kesalahan boleh dibicarakan oleh Mahkamah Syariah. Sebutan-sebutan dalam fasal ini mengenai seorang majistret hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai seorang hakim Mahkamah Syariah.”

Dengan pindaan ini seseorang yang melakukan kesalahan yang boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah akan mendapat hak-hak yang diberikan kepadanya sekiranya beliau dibicarakan di Mahkamah Majistret. Kesannya ialah jika seseorang itu ditahan untuk tujuan itu beliau hendaklah dibawa ke hadapan hakim Mahkamah Syariah dalam masa 24 jam dari masa ia ditangkap tanpa kelengahan yang tidak munasabah. Jika ia hendak ditahan lebih lanjut, kebenaran daripada Mahkamah Syariah hendaklah dipohon.⁴⁸ Sekurang-kurangnya pindaan perkara 5 menjadikan kuasa hakim Mahkamah Syariah setaraf dengan kuasa hakim majistret. Dalam erti kata lain kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan dan mengangkat taraf Mahkamah Syariah setanding dengan Mahkamah Majistret. Pindaan ini telah memberi kuasa yang lebih luas dan telah memberi lebih kebebasan kepada Mahkamah Syariah supaya dapat melaksanakan sistem perundangan sesuai dengan kehendak Islam. Kata Prof. Ahmad Ibrahim,

“Satu cara pendekatan lain kepada Perlembagaan Malaysia ialah dengan cara yang lebih positif iaitu dengan menerima dan mencuba sedaya upaya kita untuk mempertahankan prinsip-prinsip sebuah negara Islam. Penerimaan terhadap Perlembagaan Persekutuan dapat dicapai melalui perundingan dan kompromi yang dicapai oleh semua kaum di Malaysia. Kita seharusnya menghormati perjanjian yang berdasarkan persefahaman dan persahabatan di antara pelbagai kaum. Pada masa yang sama kita mesti cuba untuk memikirkan dan melakukan yang positif supaya menjadikan Perlembagaan dengan cara tertentu dapat mempertahankan prinsip-prinsip kerajaan Islam dengan mengambil kira hak-hak kepentingan semua kaum di Malaysia”.⁴⁹

Penutup

Berdasarkan kenyataan itu jelas menunjukkan kehendak kerajaan untuk melaksanakan undang-undang Islam sesuai dengan kehendak dan sentimen semasa dan iklim politik di negara ini. Kewujudan Perkara 3 dalam Perlembagan tersebut telah memberi keistimewaan kepada orang Melayu dan agama Islam. Soalnya sejauh mana perkara 3 itu dapat dibangunkan sesuai dengan kehendak sistem perundangan Islam bergantung kepada keupayaan dan kemampuan para pakar perundangan Islam di negara ini. Ulasan yang dilakukan oleh ramai pakar perundangan menyatakan perkara tersebut sebenarnya memperlihatkan bahawa kedaulatan undang-undang dan kedudukan agama Islam dengan segala tafsiran yang boleh dilakukan akan diiktiraf dalam Perlembagaan Persekutuan. Cuma terpulanglah kepada kita menghujah bahawa dalam Islam, kedaulatan undang-undang itu hendaklah dikenakan sepenuhnya, kerana Syariah Islam adalah bebas dari pengaruh dan tidak boleh dipertikaikan.⁵⁰ Ini bermakna kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk merealisasikan perkara tersebut tanpa ada keraguan atau rasa kesangsian. Dalam ertikata lain kerajaan adalah tonggak kepada perubahan itu. Cita-cita untuk melaksanakan undang-undang Islam bukan sahaja juga dilakukan melalui jalan merubah segala apa yang ada di dalam perlembagaan tetapi ia boleh juga dilakukan dengan melalui jalan penafsiran-penafsiran yang sesuai dan seajar dengan suasana politik dan budaya masyarakat Malaysia. Adalah lebih elok kalau ianya dilakukan dengan kaedah atau pendekatan “*siasah syar‘iyah*” daripada pendekatan “*qanun*” kalau ianya lebih banyak mendatangkan risiko yang lebih tinggi tanpa ada kemajuan atau anjakan yang lebih positif kepada perlaksanaan sistem perundangan Islam tersebut. Yang lebih penting ianya harus dilakukan secara bijaksana tanpa menyinggung perasaan mana-mana pihak dan menimbulkan ketegangan hubungan antara manusia.

Nota Hujung

1. Ahmad Ibrahim, (Tan Sri Prof), “Undang-Undang Islam di Mahkamah Sivil”, Kertas kerja bagi *Simposium Mengenai Pindaan Perlembagaan Malaysia, Jurnal Hukum*, Jld. X Bhg. 11, Jun 1996. hal. 129-149.
2. L.A Sheridan dan H.E Groves, *The Constitution of Malaysia*, 3rd. ed. Singapore 1979, hal. 37.
3. Hashim Yeop Sani, (Tan Sri), *Islam Dalam Perlembagaan*, Kuala Lumpur, Institut Dakwah dan Latihan Islam, t.t, hal. 17.
4. Ahmad Ibrahim, (Tan Sri Prof.), “Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia”, *Jurnal Hukum*, Jld. X, Bhg. 11, Jun 1996, hal. 130.
5. Ahmad Ibrahim, (Tan Sri Prof.), “Islam and The Constitution”. Kertas kerja *Persidangan The Malaysian Constitution After 30 Years*, Universiti Malaya, Fakulti Undang-Undang.
6. Menurut pendapat Prof. Dr. Mahmud Saedon Awang Othman bahawa undang-undang Islam di negara ini masih terus diperkecilkan peranannya, tarafnya diperendahkan dan bidang penggunaannya masih dipersempitkan. Lihat Dr. Mahmud Saedon Awang Othman, (Prof. Dr.), *Instituti Pentadbiran Undang-undang Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hal. 225.
7. Lihat Mahmood Zuhdi b. Hj. Abdul Majid, (Dato' Prof.), *Pengantar Undang-undang Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya, 1997, hal. 99.
8. “*Tidak ada paksaan dalam beragama, sesungguhnya telah datang kebenaran dan petunjuk daripada kesesatan, maka barang siapa kafir dengan keburukan dan beriman dengan Allah ...*”, al-Baqarah (2):256
9. Lihat ulasan yang dikemukakan oleh Muhammad S. El-Awa, *On The Political System of The Islamic State*, Indianapolis, American Trust Publications, 1978, hal. 16-25.
10. Lihat laporan resmi perdebatan Majlis Perundangan, 1 Mei 1958, ruang 4631 dan 4671-4672. Lihat juga Tun Muhammad Sufian Hashim, “The Relationship Between Islam and The States in Malaya”, *Intisari* vol. (?) Singapore, 1962, hal. 8
11. Lihat Ahmad Ibrahim, (Tan Sri Prof.), “Kedudukan Islam dalam Perlembagaan Malaysia”, dalam *Perlembagaan Malaysia Perkembangannya 1957-1977*, diedit oleh Tun Muhammad Sufian, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 58
12. Lihat laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, 1957, Perenggan 169 hal. 73
13. Ahmad Ibrahim, (Tan Sri Prof). *op.cit.*, hal. 130
14. Lihat Perlembagaan Persekutuan perkara 11 (1), (2), (3), a,b,c, (4) dan (5).
15. Lihat Ahmad Ibrahim, (Tan Sri Prof.), “Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia”, *op.cit.* hal. 130
16. Lihat laporan Suruhanjaya, *op.cit.*, hal. 73

17. “..... tetapi adalah sah bagi Persekutuan atau Negeri menubuhkan atau menyelenggara institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam, dan melakukan apa-apa perbelanjaan sebagaimana yang diperlukan bagi maksud di atas. Lihat Perkara 12 (2)
18. Misalnya Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor menyatakan “*agama bukan Islam ertiinya agama Kristian, Hindu, Budha, Sikh, Yahudi atau apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana agama tersebut dan termasuklah apa-apa pegangan, ideologi falsafah, atau apa-apa kumpulan atau sistem amalan atau penunaian yang tidak diakui oleh agama Islam sebagai berunsur Islam. Terbitan ertiinya apa-apa buku, majalah, phamplet, risalah atau apa-apa bahan lain, sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan, atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain, dan apa-apa bentuk keluarannya, dan termasuklah apa-apa rakaman suara*”. Lihat Seksyen (2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor No. 1, 1988.
19. Hashim Yeop Sani, (Tan Sri), *Our Constitution*, Singapore, Ideal Printing, 1980, hal. 80
20. Mohd. Salleh Abas, (Tun), *Prinsip-prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan Malaysia*, diedit oleh Salleh Buang, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, hal. 48
21. Dr. Norhashimah Mohd. Yassin, *Islamisation/Malaynisation: A Study On The Role Of Islamic Law In The Economic Development of Malaysia : 1969-1993*, Kuala Lumpur, A S Noordeen, 1997, hal. 132
22. Antara bunyi cadangan beliau ialah “... tidak guna kerajaan ini diiktiraf sebagai kerajaan Islam kalau undang-undang Islam tidak dipatuhi. Kita telah diiktiraf dengan resminya sebagai sebuah negara Islam. Negara dengan itu mestilah menghormati rukun Islam dan undang-undang Islam, setakat mana kita boleh. Saya percaya di mana majlis yang diberi oleh kerajaan Islam mestilah majlis itu bolehlah berjalan dengan licin tanpa minuman keras. Kerajaan Islam ialah kerajaan yang suci dan jika kita cabar kesucian undang-undangnya, saya pasti inilah satu caranya untuk kerajaan kita dikutuk oleh Allah ...”. Lihat Tan Sri Ahmad Ibrahim, “Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Islam”, dalam *Perlembagaan Malaysia Perkembangannya 1957 - 1977*, op.cit., hal. 65
23. Laporan Resmi Perdebatan Majlis Perundangan, 1 Mei 1958. Ruang 4631 dan 4671-4672.
24. Salleh Abas, (Tun), “Traditional Elements of The Malaysian Constitution”, dalam Mohamed Sufian. H P Lee & Trindade (ed), *The Constitution of Malaysia, Its Development 1957-1977*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1986, hal. 3
25. Lihat Prof. Madya Dr. Abdul Halim Muhammady, “Masalah Penghayatan Hukum Islam Dalam Masyarakat dan Negara”, Kertas Kerja dalam *Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan 1997*, anjuran Jabatan Fiqh dan Usul, UM, 17-18hb. Jun 1997, hal. 7.
26. Lihat Perlembagaan Persekutuan Jadual perkara 32 (3).
27. Lihat Perlembagaan Persekutuan Jadual 4 perkara 37.
28. Lihat Perlembagaan Persekutuan Jadual 4 bahagian 1.

29. Lihat Ahmad Ibrahim, Tan Sri Prof., *Islam and Constitution*, op.cit., hal. 3.
30. Lihat Perlembagaan Persekutuan Jadual 4 perkara 32 (1).
31. (1981) *MLJ* 64.
32. Lihat Ahmad Ibrahim, *Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan*, op.cit., hal. 146.
33. Lihat Perlembagaan Persekutuan Perkara 76.
34. Seperti bagi maksud melaksanakan apa-apa *treatise*, perjanjian atau konvensyen antara Persekutuan dengan mana-mana negeri lain, atau apa-apa keputusan pertubuhan. Atau bagi maksud mengadakan persamaan undang-undang di antara dua buah negeri.
35. Lihat Perlembagaan Persekutuan Perkara 42.
36. "Undang-undang" termasuklah undang-undang bertulis, *common law* (undang-undang lazim) setakat mana ianya berkuatkuasa dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, dan apa-apa adat atau kelaziman yang mempunyai kuatkuasa undang-undang dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya; perkara 160 Perlembagaan Persekutuan.
37. Lihat Ahmad Ibrahim, op.cit., hal. 148.
38. Lihat pendapat yang dikemukakan oleh Prof Ahmad Ibrahim, di mana beliau merujuk kepada perkara 4 merujuk kepada undang-undang bertulis sahaja. Ia tidak memberi kesan kepada undang-undang Syariah, undang-undang yang tidak bertulis dan yang telah ada sejak sebelum merdeka. Lihat Ahmad Ibrahim, "The Principles Of An Islamic Constitution And The Constitution Of Malaysia: A Comparative Analysis", *Law Jurnal* 1:2, International Islamic University, 1989, hal. 1.
39. Lihat Perlembagaan Persekutuan Perkara 150.
40. Lihat Perlembagaan Persekutuan Perkara 159, pindaan Perlembagaan.
41. *Ibid*, perkara 3 (3).
42. Umpamanya kes Ainan bin Muhammad vs Sayed Abu Bakar (1939) *MLJ* 20 mengenai kesahan anak yang dilahirkan empat bulan selepas perkahwinan. Kes Nafsiah vs Abdul Majid (1969) 2 *MLJ* 174 dan 175, masalah mengenai mungkir janji perkahwinan. Kes Roberts vs Ummi Kalthom (1966) 1 *MLJ* 63, masalah mengenai tuntutan harta sepencarian.
43. Sebagai contoh kita lihat kes Mariyam Iwn Mohammad Arif. Apabila berlaku penceraian yang diadakan di hadapan Kadi, Kadi telah mencatatkan atas persetujuan bersama kedua pihak dalam memberi hak penjagaan anak hasil perkahwinannya iaitu seorang anak perempuan 8 tahun dan seorang anak lelaki 3 tahun kepada bapa mereka. Kemudian ibunya berkahwin dengan laki-laki bukan *mahram* kepada anak. Ibu tersebut menuntut hak jagaan anak. Hakim Abdul Hamid pada masa itu membuat keputusan tidak menghiraukan perintah Kadi, dan pihak menuntut boleh membuat permohonan itu dan Mahkamah Sivil boleh mendengar permohonan tersebut. Lihat (1971) *MLJ* 265.
44. Ahmad Ibrahim, (Tan Sri), "The Amendment to Article 121 of The Federal Constitution Its Effect of Administrations of Islamic Law", (1989) *MLJ XVII*

45. Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1987, dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Pindaan) 1987.
46. Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam Kepada Orang Islam, Melaka Enakmen no. 1, 1988.
47. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor. Lihat Selangor Enakmen No. 1, 1988.
48. Ahmad Ibrahim, (Tan Sri Prof.), *op.cit.*, hal. 14.
49. Ahamd Ibrahim, (Tan Sri Prof.), “The Principles of An Islamic Constitution and The Constitution of Malaysia: A Comparative Analysis”, dalam *Law Journal*, University Islam Antarabangsa Malaysia, 1:2
50. *Ibid.*